

25/11/2000

Strategi terbaik tentukan kemenangan di Lunas

Maarop Md Noh

BAGI Barisan Nasional (BN), pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas, 29 November ini, dilihat bukan sekadar mempertahankan kerusi kawasan itu, malah sebagai medan menguji keberkesanan Umno selepas pemugaran perlembagaan parti yang menjadi teras BN selama ini.

Senario pilihan raya umum 1999 mencatatkan pengalaman pahit kepada Umno dan BN selepas kehilangan beberapa kerusi DUN dan Parlimen kepada pembangkang. Lebih malang, BN kehilangan sebuah lagi negeri di Pantai Timur apabila Pas yang bersekongkol dengan DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) menawan Terengganu.

Lebih mengecewakan, kepahitan itu dialami sebaik saja negara keluar daripada konspirasi ekonomi Barat yang ingin menjatuhkan kerajaan negara ini. Barat berjaya melakukan konspirasi buruknya terhadap Indonesia dan Filipina. Selain itu, mereka juga berjaya melumpuhkan ekonomi Thailand dan Korea Selatan.

Pilihan raya kecil Lunas akan menentukan sejauh mana perpaduan Umno berjaya disimen kukuh semula. Apakah ada lagi unsur pecah-belah dalam parti dan komponen BN itu atau unsur sabotaj yang wujud dalam pilihan raya umum 1999 masih mendak sementara di dalam Umno dan BN?

Semua ini memerlukan pendekatan intelektual - bukan saja minda, malah disertai tindakan.

Pilihan raya umum 1999 menjadi pengajaran yang perlu diterima oleh semua ahli Umno. Justeru, dalam pilihan raya kecil Lunas ini, ahli Umno sama ada ahli teras atau Pemuda dan Wanita perlu menilai diri dan sumbangan terhadap parti.

Jika dulu ada yang tersilap menilai bahawa Umno akan memberikan sudu emas untuk mengaut kekayaan, pandangan itu perlu ditukar kepada persoalan apakah sumbangan ahli kepada parti.

Dalam dua pilihan raya kecil tahun ini - di Sanggang, Temerloh dan Teluk Kemang, Port Dickson - hanya Sanggang berjaya memulihkan sedikit kekuatan Umno. Di sebalik kemenangan calon BN di Teluk Kemang pula, Umno kelihatan masih berpecah. Pengundi Melayu terjerat antara isu kuil dan masjid.

Belajar daripada pengalaman di Sanggang dan Teluk Kemang, ahli Umno perlu menyediakan strategi khusus untuk menangkis bukan saja isu antara masjid dan kuil atau antara masjid dan tokong, malah perlu menyediakan pelbagai strategi termasuk menangkis pembohongan dan penggunaan agama oleh pihak lawan. Isu kuil dan masjid bukan saja sensitif kepada sesuatu kaum tetapi tidak bermanfaat kepada negara ini sendiri.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, awal-awal lagi mengingatkan ahli Umno supaya tidak terperangkap dengan jerat pembangkang. Antaranya ialah perpecahan antara Keadilan dan DAP kerana perebutan kerusi. Sebaliknya, ahli Umno perlu menggunakan pendekatan kemakmuran dan kebahagiaan yang dinikmati menerusi pemerintahan kerajaan BN.

Sudah banyak projek pembangunan di Lunas. Daripada asalnya sebuah kawasan ladang, kini Lunas menjadi kawasan perindustrian dan perumahan yang terbaik di Kulim, Kedah.

Selain itu, pelbagai kaum di Lunas kelihatan lebih bersatu-padu. Ini kerana mereka tidak lagi diasing-asingkan sebagai penduduk ladang getah dan kampung atau kawasan penempatan. Mereka disatukan menerusi semangat pembangunan yang disumbangkan oleh BN.

Untuk meneruskan kemakmuran itulah, Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika majlis penamaan calon pada 21 November lalu,

mengingatkan supaya pengundi kawasan Lunas mengekalkan kerusi BN.

Dalam pilihan raya kecil 29 November ini, calon BN, S Anthonysamy, ditentang oleh calon bebas, N Letchumanan, dan calon Keadilan, Saifudin Nasution Ismail.

Menurut Abdullah, hanya BN yang akan meneruskan pembangunan yang jelas memberikan kebahagiaan dan keuntungan kepada penduduk Lunas sementara pembangkang hanya mampu membawa perpecahan dan permusuhan.

Selain itu, pengundi di Lunas juga tentu ingat betapa ahli pembangkang yang dipilih ke Dewan Rakyat tidak mencerminkan kematangan berfikir dan bertindak. Perbuatan menjerit dalam Parlimen dan merendah-rendahkan pandangan ahli Parlimen yang lain bukanlah bukti kematangan minda.

Daripada pandangan dan pendapat kedua-dua pemimpin tertinggi Umno itu, jelaslah pilihan raya kecil Lunas memerlukan strategi baru bagi menawan dan mengekalkan pengundi tidak berpecah atau lari daripada tanggungjawab masing-masing.

Umno yang dibekalkan dengan kekuatan baru dari segi konsep dan falsafah serta pendekatan, harus menggunakan strategi menjinakkan ahli yang sudah berpaling tadah di samping mengajak penduduk Lunas meneruskan sumbangan mereka kepada BN.

Dalam pilihan raya kecil ini, tidak salah jika kita menggunakan strategi air dan tanah yang kedua-duanya amat diperlukan oleh penduduk. Barangkali tidak salah jika kita menggunakan pendekatan Sun Tzu yang menekankan pentingnya semua pertarungan menggunakan strategi air, tanah, angin, api dan birai.

Sun Tzu tidak sia-sia apabila dia menulis buku strategi peperangan The Art Of War kira-kira 2,000 lalu. Daripada buku ini, ramai pakar strategi yang lahir dan berjaya. Malah, dalam usaha mengalahkan lawan, parti politik di negara ini banyak mengambil faedah daripada Sun Tzu.

Jika adapun perbezaan hanyalah pendekatan dan adaptasi strategi itu. Dalam hubungan ini, perpecahan antara DAP dan Keadilan harus dilihat sebagai salah satu strategi yang diadaptasi daripada teori strategi Sun Tzu.

Tetapi, Perdana Menteri cepat menghidu perkara ini dan menasihatkan ahli Umno dan semua jentera BN di Lunas supaya tidak terperangkap dengan tindakan pembangkang itu.

"Kita mahu menang dengan pendekatan kejayaan pembangunan dan perpaduan yang kita amalkan. Kita tidak mahu menggunakan kekecewaan orang lain untuk menang," kata Dr Mahathir.

Pembangkang mengemukakan pelbagai isu, termasuk masalah murtad, kerajaan dikatakan menolak Islam dan isu Sekolah Wawasan. Selain itu pembangkang juga menggertak pakar-pakar strategi Umno dengan mengutarakan kononnya Perdana Menteri menghina Nabi Muhammad.

Justeru, penggerak jentera pilihan raya Umno, MCA dan MIC serta komponen lain dalam BN perlu menggunakan dua serangan berbentuk pedang panjang dan pedang pendek yang dipraktikkan dalam strategi Sun Tzu. Pedang panjang digunakan untuk membuat serangan mempertahankan maruah Umno, MCA, MIC dan seluruh komponen BN sementara pedang pendek adalah untuk keutuhan pengundi di Lunas.

Penduduk Lunas perlu diyakinkan bahawa BN tidak pernah menganggap mereka sebagai warga kelas dua atau pembayar cukai yang tidak pernah mendapat sebarang faedah.

Mereka perlu dilunakkan dengan memberitahu segala pembangunan yang dijalankan adalah untuk mereka. Jika dulu sebahagian besar daripada mereka menoreh getah, kini mereka berkerja di kilang atau di sektor swasta yang mempunyai pelbagai kemudahan sosial.

Jika penduduk Lunas tersalah pilih, sudah pasti mereka hanya akan menghabiskan sisa kemajuan yang disediakan oleh BN. Ini kerana pembangkang

tidak pernah membawa sebarang manfaat, sama ada di Lunas atau di kawasan yang mereka pernah tawan. Mereka adalah ahli pidato yang mahir tetapi bukan jurutera pembangunan bangsa, agama dan negara.

Penduduk Lunas mungkin tidak begitu tertarik dengan teori pemulihan ekonomi 1977-1978 tetapi mereka pasti akan tertawan apabila dijelaskan pemulihan ekonomi menyebabkan mereka mendapat manfaat daripada pelbagai sistem yang berjalan lancar sekarang.

Inilah strategi dan falsafah Sun Tzu, Kung Ming, Moshashi dan Tao. Malah, ia juga adalah inti falsafah Tun Seri Lanang, Hang Tuah dan Abdullah Munsyi.

Kita jangan segan untuk belajar daripada kepakaran orang lain demi membangunkan bangsa. Inilah juga yang dikehendaki oleh Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad.

Strategi yang kuat akan melahirkan kekuatan baru. Penduduk Lunas sudah diasuh dengan strategi ini. Mereka sudah mempraktikkannya sejak beberapa pilihan raya lalu. Mendiang Dr Joe Fernandez juga mempraktikkan strategi ini.

Melihat seluruh senario ini, kita tidak harus dianggap terhina apabila Anthonysamy mewakili masyarakat India dalam pilihan raya kecil ini.

Ia sebenarnya adalah faktor pengimbang kepada perpaduan kaum dan kekuatan ekonomi di Lunas. Kerana itu, adalah sia-sia apabila kedudukan Anthonysamy dijadikan momokan dengan menyatakan masyarakat Melayu lebih berhak di kawasan itu.

DUN Lunas mempunyai 26,764 pengundi dengan 45.2 peratus adalah pengundi Melayu, 34 peratus Cina dan 20 peratus India. Selain untuk menang, Lunas menjadi gelanggang memugar strategi semua parti.